

ORIGINAL ARTICLE



**MJSSH**  
Muallim Journal of  
Social Science and Humanities

**PENERAPAN NILAI ALAM SEKITAR MELALUI  
TEKNIK DRAMA DI DALAM KELAS PENDIDIKAN  
MORAL. SATU KAJIAN TINDAKAN**

**INCULCATE ENVIRONMENTAL VALUES THROUGH  
DRAMA TECHNIQUES IN MORAL EDUCATION  
CLASS. AN ACTION RESEARCH**

**Nadarajan Thambu <sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia /  
Senior Lecturer, Faculty of Human Sciences, Sultan Idris Education University, Malaysia.  
Email: [nada@fsk.upsi.edu.my](mailto:nada@fsk.upsi.edu.my)

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/14>

**Abstrak**

Nilai berkaitan dengan alam sekitar merupakan salah satu bidang pembelajaran dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral di Malaysia. Pendidikan dan pengetahuan berkaitan alam sekitar diberi perhatian dalam mata pelajaran Pendidikan Moral untuk melahirkan murid yang peka, sensitif, berfikiran positif dan yang mampu melestarikan alam. Kajian ini membincangkan penggunaan teknik drama sebagai pedagogi dalam menerapkan nilai berkaitan alam sekitar di dalam sebuah kelas Pendidikan Moral. Dapatan kajian menunjukkan, drama yang berfungsi sebagai teknik pembelajaran aktif mampu memberikan pengalaman pembelajaran yang bermakna kepada pemahaman nilai berkaitan alam sekitar. Elemen-elemen drama seperti, penulisan skrip, latihan dan hafalan dialog mempunyai kelebihan dan kesesuaian yang tersendiri dalam mengembangkan amalan nilai berkaitan alam sekitar dalam kalangan murid sekolah menengah.

**Kata kunci:** nilai, alam sekitar, Pendidikan Moral, drama, kajian tindakan, pedagogi

**Abstract**

Values related to the environment is one of the areas of learning in the Moral Education syllabus in Malaysia. Education and knowledge of environment is a concern in the Moral Education to produce students who are aware, sensitive, positive and capable of preserving nature. This study

discusses the use of drama as a pedagogical technique in inculcate environmental values in a Moral Education classroom. The findings show, the drama that serves as an active learning techniques able to provide a meaningful learning experience to understand the environment better. Elements in drama such as, script writing, training and memorization of dialogue has its own advantages and suitability in developing the environmental practices among secondary school students.

**Keywords:** value, environmental, moral education, drama, action research, pedagogy

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 10<sup>th</sup> December 2018, revised 30<sup>th</sup> January 2019, accepted 5<sup>th</sup> March 2019

## **Pengenalan**

Program Pendidikan Moral di Malaysia bertujuan untuk melahirkan insan berakhlak mulia yang memiliki perwatakan positif. Pendidikan Moral diajar sebagai satu mata pelajaran teras untuk pelajar bukan beragama Islam di peringkat sekolah menengah. Pendidikan Moral di sekolah juga bertujuan untuk merealisasikan semangat dan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KBSM, 2000)<sup>1</sup>. Selaras dengan aspirasi ini, sebanyak tujuh prinsip utama dalam Pendidikan Moral telah dikenal pasti sebagai panduan dalam melahirkan insan yang menyeluruh dari segi emosi, rohani, intelek, jasmani dan sosial. Prinsip ketiga daripada tujuh prinsip itu ialah prinsip prihatin kepada alam sekitar (Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KBSM, 2000)<sup>1</sup>.

Di peringkat sekolah menengah, sebanyak tujuh bidang pembelajaran telah dikenal pasti untuk membolehkan murid memahami, menghayati serta mengamalkan prinsip-prinsip tersebut. Nilai moral disampaikan menerusi bidang pembelajaran ini. Salah satu bidang pembelajaran daripada tujuh bidang tersebut ialah bidang pembelajaran 3, yang mengandungi nilai berkaitan alam sekitar. Rujuk Jadual 1.

## Jadual 1

## Nilai Berkaitan Alam Sekitar

Nilai	Maksud Nilai
Menyayangi dan Menghargai Alam Sekitar	Kesedaran tentang perlunya memelihara dan memulihara alam sekeliling untuk mengekalkan keseimbangan ekosistem
Keharmonian antara Manusia dengan Alam Sekitar	Keadaan saling memerlukan hubungan yang harmonis antara manusia dengan alam sekeliling supaya kualiti kehidupan manusia dan alam sekeliling terpelihara
Kemampuan Alam sekitar	Pengekalan keseimbangan alam sekeliling sebagai tanggungjawab bersama untuk kesejahteraan hidup
Peka terhadap Isu-Isu Alam Sekitar	Prihatin terhadap persoalan yang berkaitan dengan alam sekeliling dan berusaha menyelesaikannya

*Sumber:* Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral, KBSM, 2000

Berdasarkan Jadual 1, terdapat empat nilai yang harus diterapkan oleh guru Pendidikan Moral dalam bidang berkaitan alam sekitar kepada murid. Secara amnya, objektif bidang pembelajaran berkaitan alam sekitar dalam mata pelajaran Pendidikan moral ialah untuk membolehkan murid menyedari dan menerima kepentingan keharmonian antara manusia dan alam sekitar serta berterusan ke arah mengekalkannya (Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral Tingkatan Empat, KBSM, 2004)<sup>2</sup>.

Menurut Lovat dan Clement (2008)<sup>3</sup>, pengajaran Pendidikan Moral perlu menggunakan pedagogi yang sejajar dengan keperluan pembelajaran sikap dan kemahiran afektif mereka. Dalam pada itu, Dewey (1909)<sup>4</sup> mendakwa pengajaran lebih efektif apabila guru menggunakan peristiwa sebenar yang ada kaitan dengan masalah manusia sebenar dalam hubungannya dengan dunia mereka. Hal ini kerana, murid hadir ke sekolah dengan sejumlah pengetahuan yang dipungut daripada pengalaman hidup mereka (Kincheloe, 2008)<sup>5</sup>. Menurut Dewey (1909)<sup>4</sup> pembelajaran dapat diperoleh melalui aksi atau tindakan, kerana pembelajaran ialah proses, yang mana pengetahuan dijana melalui transformasi daripada pengalaman. Ternyata guru yang merupakan agen moral menjadi faktor dominan dalam memastikan nilai moral, sikap dan aspek spiritual diterapkan kepada murid (Nadarajan Thambu<sup>6</sup>, 2017; Thiagarajan Nadeson<sup>7</sup>, 2007).

Menurut Norashikin Hashim (2005)<sup>8</sup>, Pendidikan Moral perlu seiring dengan strategi dan teknik pembelajaran untuk meningkatkan pemahaman murid yang akan belajar. Pendidikan Moral yang berkesan seharusnya membantu murid memahami nilai-nilai moral, menerima dan menunjukkan komitmen terhadapnya, serta mengamalkannya dalam kehidupan harian. Hal ini

juga sejajar dengan kata-kata Lickona (1991)<sup>9</sup>, bahawa pelajar perlu merasai apa yang dibincangkan. Hal ini akan mengungkitkan rasa hati mereka, mengaktifkan pemikiran mereka dan menggalakkan mereka berfikir secara kritis sebelum membuat sesuatu keputusan yang bermoral. Oleh itu, strategi pengajaran dan teknik yang sesuai merupakan salah satu faktor penentu untuk pengajaran dan penerapan nilai-nilai moral kemanusiaan yang berkesan di bilik darjah (Kartheges Ponniah, 2017)<sup>10</sup>.

Silberman (1996)<sup>11</sup>, mengakui apabila sesuatu aktiviti aktif di bilik darjah, para pelajar akan melakukan banyak kerja. Mereka akan menggunakan otak mereka untuk mengkaji idea, menyelesaikan masalah serta mengaplikasikan apa yang telah mereka pelajari. Silberman (1996)<sup>11</sup>, juga menyatakan bahawa, pada kebiasaannya pelajar akan meninggalkan kerusi tempat duduk mereka, bergerak dan sentiasa berfikir dalam aktiviti aktif di bilik darjah. Dengan mendengar, melihat, bertanya soalan, berbincang dengan orang lain dan melakukan aktiviti yang diperlukan murid dapat mempelajari sesuatu dengan baik. Pelajar juga boleh menjalankan amali dengan bergantung kepada pengetahuan yang dimiliki oleh mereka. Menurut Silberman lagi (1996)<sup>11</sup>, murid belajar lebih baik dengan melakukan amali.

McKinney (dalam Norashikin Hashim, 2005)<sup>8</sup> bersetuju bahawa pemelajaran aktif merujuk kepada teknik di mana pelajar akan melakukan aktiviti dan bukannya duduk dan mendengar sahaja pengajaran guru secara pasif. Pelajar akan sentiasa membuat sesuatu seperti melakukan penemuan, memproses dan mengaplikasikan maklumat. Menurut Silberman pula (1996)<sup>11</sup>,

*“Sometimes, no matter how clear a verbal or visual explanation is, some concepts and procedures don’t sink in. One way to help develop a picture of the material is to ask some students to act out the concepts or walk through the procedures you are trying to get across”* (p.79).


Oleh itu, teknik atau pedagogi pengajaran yang boleh menerapkan bidang alam sekitar secara langsung di bilik darjah perlu ditangani oleh guru. Pengajaran ialah satu seni persembahan (Alam Sher Malik, 2012)<sup>12</sup>. Guru sebagai *‘sage on the stage’*, perlu memikirkan pelbagai cara yang berbeza untuk menyampaikan idea, dan mempunyai kemahiran untuk melaksanakannya. Kajian oleh Habibah Lateh dan Punitha Muniandy (2012)<sup>13</sup> tentang amalan pengajaran pendidikan alam sekitar, mengesahkan bahawa guru harus mempunyai pengetahuan kandungan tentang alam sekitar sebagai prasyarat pedagogi untuk melaksanakan amalan pengajaran secara efektif. Dalam usaha untuk meningkatkan keupayaan intuitif ini, guru perlu meneroka pendekatan seni drama, iaitu, pendekatan yang memberi tumpuan kepada ekspresi muka, ciri-ciri vokal, gerak isyarat dan pergerakan badan (Nadarajan Thambu & Muhammad Hasbi Abdul Rahman, 2017)<sup>14</sup>.

Menurut Drabble (2001)<sup>15</sup>, *‘the use of performing arts in learning is incredibly powerful and allows a level of engagement which you cannot achieve in more traditional teaching methods* (p.8). Dalam pada itu, kajian lampau oleh (Riseborough<sup>16</sup>, 1993; Wasylko & Stickley<sup>17</sup>,

2003;Winston<sup>18</sup>, 1999) menunjukkan bahawa bidang artistik dalam pendidikan seperti drama biasanya menghasilkan tindak balas yang dikehendaki daripada murid. Drama mempunyai ciri-ciri pembelajaran aktif dan memberikan pengalaman langsung kepada pelajar dan ia adalah satu pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar (Neelands, 1990)<sup>19</sup>. Pendekatan seni untuk mengajar seperti drama membantu pelajar menjadi lebih intuitif dan mudah suai dalam pembelajaran mereka (Basourakos,1999)<sup>20</sup>.

Justeru, teknik drama yang memberikan peluang kepada pelajar terlibat dalam proses mendengar dialog, melihat aksi, merancang dan memperlihatkan pemikiran melalui perlakuan dalam drama, boleh menjadi teknik yang berkesan dalam memupuk amalan nilai (Verducci, 2000)<sup>21</sup>. Menurut Ward (dalam Selathurai, 1992)<sup>22</sup> apa-apa yang dibuat oleh kanak-kanak adalah lebih bermakna kepada mereka daripada apa yang mereka lihat dan dengar. Hal ini adalah selaras dengan kata-kata Confucious, '*I hear and I forget. I see and I remember. I do and I understand*'. Manakala Mc Caslin (1984)<sup>23</sup>, menyatakan penggunaan drama sebagai alat pengajaran bukanlah sesuatu yang baharu. Drama dan teater mempunyai sejarah yang panjang dan diiktiraf sebagai wahana yang berpotensi dan bermakna untuk pendidikan dan indoktrinasi. Tambahan pula Landy (1982)<sup>24</sup>, menyatakan bahawa aktivis drama dihormati dan disanjung kerana drama sering dikaitkan dengan kekuatan pendidikan. Malahan Plato dalam *Republic* juga menyokong drama sebagai salah satu cara pembelajaran (Landy, 1982)<sup>24</sup>.

Selain itu, teknik drama dalam pengajaran moral adalah teknik yang berbeza daripada teknik pengajaran yang konvensional. Melalui proses lakonan di bilik darjah pelajar dapat dilibatkan secara aktif dan ini akan meningkatkan ingatan dan pemahaman mereka tentang nilai dalam bidang alam sekitar yang dipelajari. Hal ini juga akan mengukuhkan minat pelajar dan bersedia menerima nilai yang hendak diajar serta berupaya meneruskannya secara sendiri. Jika disusun mengikut kadar keaktifan, tahap pemahaman murid berbeza mengikut aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan di bilik darjah. Menurut Dale (1964)<sup>25</sup>, pelajar yang terlibat secara langsung dalam lakonan dan drama mengingati 90% daripada isi kandungan pengajaran kerana mereka melalui pengalaman langsung. Rujuk Rajah 1. Mereka dikatakan melakonkan watak tertentu, berinteraksi dengan watak lain, menggunakan dialog dan melahirkan aksi melalui pergerakan anggota badan.



Sumber. Dale (1969).

Rajah 1. Kon pembelajaran Edgar Dale

Menurut Winston (1999)<sup>18</sup>, ramai di kalangan kita yang mempunyai pengalaman drama sedar bahawa, drama mampu membina masyarakat yang bermoral melalui para peserta yang terlibat dalam drama. Oleh itu kita perlu mencari jalan untuk membuktikan potensi ini kepada masyarakat umum. Winston (1999)<sup>18</sup>, juga mengakui bahawa emosi dan perasaan yang ditanam melalui aktiviti drama, apabila bergabung dengan faktor sebab mampu menentukan tindakan moral.

Maka dalam kajian ini penyelidik ingin meneroka bagaimana drama dapat menjadi teknik pengajaran untuk meningkatkan pemahaman nilai yang berkaitan dengan alam sekitar serta memupuk amalan memelihara dan memulihara alam sekitar dalam kalangan pelajar Pendidikan Moral. Secara khusus artikel ini membincangkan penggunaan teknik drama dalam kelas Pendidikan Moral untuk menerapkan nilai berkaitan alam sekitar. Prosedur penggunaan teknik drama dan reka bentuk kajian tindakan juga dipaparkan.

**Metodologi Kajian**

**Reka bentuk kajian**

Kajian ini dijalankan dalam reka bentuk kajian tindakan dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Penyelidik menggunakan model kajian tindakan Kemmis dan McTaggart (1988)<sup>26</sup>. Kajian ini dijalankan dalam dunia sebenar pengajaran di bilik darjah dan data yang dikumpulkan bergantung pada refleksi dan maklumat yang dikemukakan oleh peserta kajian secara langsung. Reka bentuk kajian tindakan ialah satu prosedur sistematik yang digunakan dalam konteks

sekolah khususnya di bilik darjah untuk meneroka pengetahuan, mengkaji dan memperbaiki amalan pengajarannya serta kaitannya dengan keberkesanan pembelajaran dalam kalangan murid yang diajarnya (McNiff & Whitehead, 2010)<sup>27</sup>. Setiap gelungan mempunyai empat fasa iaitu: i. merancang, ii. bertindak, iii. memerhati dan iv. refleksi. Rujuk Rajah 2.

Reka bentuk kajian tindakan membantu penyelidik memahami proses dan masalah pembelajaran murid semasa penggunaan teknik drama dan membuat tindakan untuk memperbaiki kualiti pengajaran melalui penambahbaikan terhadap teknik tersebut. Selaras dengan ini, model gelung kajian tindakan Kemmis dan McTaggart (1988)<sup>26</sup> didapati memberi prototaip yang sesuai. Hal ini kerana teknik drama perlu dilaksanakan dengan sistematik supaya refleksi daripada setiap gelungan boleh dijadikan panduan atau titik rujukan pengubahsuaian terhadap teknik ini, dalam usaha untuk menerapkan nilai berkaitan bidang alam sekitar. Proses mengumpulkan data dan refleksi telah berlaku berulang kali dalam setiap gelung sehingga data yang dikutip mencapai tahap tepu.


### **Prosedur kajian tindakan di bilik darjah**

#### *Gelung 1*

Dalam fasa I penyelidik telah memperkenalkan teknik drama di dalam kelas Pendidikan Moral. Penyelidik telah menyediakan skrip drama (Skrip A) yang bertemakan nilai berkaitan dengan alam sekitar. Nilai yang menjadi tema untuk membina skrip lakonan dalam Gelung 1 ialah nilai Menyayangi dan menghargai alam sekitar. Skrip drama ini ditulis oleh penyelidik berdasarkan ciri-ciri drama yang disyorkan oleh Heathcote dan Bolton (1995)<sup>28</sup>. Dalam fasa II, peserta kajian yang terpilih telah melakonkan skrip yang disediakan oleh penyelidik di hadapan kelas. Segala proses dalam fasa II, (lakonan oleh peserta kajian) diperhatikan dan data dikumpul untuk tujuan refleksi (fasa III dan IV). Data tadi telah dianalisis untuk mempertimbangkan kekuatan, kelemahan dan kelebihan teknik drama dalam menerapkan nilai yang berkaitan alam sekitar kepada peserta kajian. Kelemahan dalam aspek pelaksanaan drama seperti pengucapan dialog, persembahan, mesej dan kesan lakonan yang dikenal pasti telah dibaiki untuk dilaksanakan sebagai pelan tindakan dalam Gelung 2.

#### *Gelung 2*

Fasa merancang dalam Gelung ke-2 dimulakan dengan pelan tindakan drama yang ditambah baik (hasil refleksi Gelung 1). Dalam fasa merancang ini, penyelidik membantu peserta kajian untuk mengarang skrip. Peserta dan penyelidik telah merancang skrip yang hendak dikarang terlebih dahulu dalam sesi refleksi Gelung 1. Skrip B, yang dikarang bertemakan nilai Keharmonian antara manusia dengan alam sekitar. Dalam fasa melaksana pula, skrip B, tadi telah dipersembahkan dalam bentuk lakonan oleh peserta kajian. Proses pengumpulan data dan refleksi dilaksanakan seperti dalam Gelung 1. Data yang dikumpul dalam Gelung 2, telah dianalisis untuk mempertimbangkan kekuatan, kelemahan dan kelebihan teknik drama dalam menerapkan nilai Keharmonian antara manusia dengan alam sekitar kepada peserta kajian. Kelemahan yang dikenal pasti telah dibaiki untuk dilaksanakan sebagai pelan tindakan dalam Gelung 3. Rujuk Rajah 2.



Sumber. Diubahsuai daripada model Kemmis dan McTaggart (1988)

Rajah 2. Model kajian tindakan.

### Gelung 3

Segala proses merancang, melaksana, memerhati, merefleksikan dan mengutip data dalam Gelung 1 dan Gelung 2 diteruskan dalam Gelung 3. Fasa merancang dalam Gelung ke-3 dimulakan dengan pelan tindakan drama yang ditambah baik (hasil refleksi Gelung 2). Dalam fasa merancang ini, penyelidik membantu peserta kajian untuk mengarang skrip. Peserta dan penyelidik telah merancang skrip yang hendak dikarang terlebih dahulu dalam sesi refleksi Gelung 2. Skrip C, yang dikarang bertemakan nilai Kemapanan dan peka terhadap isu alam sekitar. Dalam fasa melaksana pula, skrip C, tadi telah dipersembahkan dalam bentuk lakonan. Proses pengumpulan data dan refleksi dilaksanakan seperti dalam Gelung 2. Data dikumpul dalam Gelung 3 untuk dianalisis. Semua data daripada Gelung 1 hingga Gelung 3 dianalisis untuk menjawab soalan kajian.



## Peserta kajian

Peserta kajian terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan 4 yang belajar mata pelajaran Pendidikan Moral di sebuah sekolah menengah bercampur kerajaan di daerah Kuala Langat. Pemilihan sampel untuk kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah “purposive sampling”. Fraenkel dan Wallen (2006)<sup>29</sup> menjelaskan bahawa “on occasions, based on previous knowledge of population and the specific purpose of the research, investigators use personal judgment to select a sample (p.64)”. Penyelidik telah memilih peserta kajian berdasarkan beberapa kriteria yang bersesuaian dengan kaedah penyelidikan tindakan.

Peserta kajian dibahagikan kepada tiga kumpulan yang berasingan untuk memudahkan tugas pengumpulan data. Kumpulan pertama ialah kumpulan pelakon yang akan melakonkan skrip yang dikarang oleh penyelidik. Jumlah peserta kajian dalam kumpulan ini ialah seramai 10 orang. Kumpulan kedua ialah pelajar-pelajar yang tidak menjadi pelakon. Mereka menjadi kumpulan peserta kajian yang berperanan sebagai penonton drama. Seramai 20 orang dipilih menjadi penonton drama. Manakala kumpulan ketiga pula ialah, kumpulan peserta yang menjadi pemerhati kajian. Seramai tiga orang guru Pendidikan Moral termasuk penyelidik sendiri menjadi pemerhati kajian.

## Prosedur mengumpul data

Penyelidik menggunakan pelbagai cara untuk mendapatkan data (Bogdan & Biklen, 2007)<sup>30</sup>. Kaedah utama ialah temu bual kumpulan berfokus yang dijalankan ke atas individu murid yang terpilih. Semua sesi temu bual dirakam secara audio, ditranskripsi, dan diberikan kod untuk dianalisis. Semua transkripsi dan laporan verbatim diberikan semula kepada peserta bagi memeriksa ketepatan tentang apa yang telah mereka katakan. Selain itu, penyelidik juga mengutip data menggunakan dokumen seperti penulisan jurnal murid dan senarai semak. Data juga dikumpulkan melalui instrumen protokol pemerhatian di dalam bilik darjah. Teknik triangulasi digunakan untuk mengesahkan data daripada ketiga-tiga sumber ini demi memperkukuh kesahan dapatan kajian.

## Kaedah menganalisis data

Data kajian ini dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tema (*thematic analysis*) berdasarkan langkah-langkah yang disyorkan oleh Braun dan Clarke (2006)<sup>31</sup>. Proses analisis data kualitatif yang melibatkan langkah-langkah seperti matriks pengurusan data, transkripsi, penyaringan data, pengekodan, penghasilan tema dan sub-tema serta paparan hasil (Boeije, 2010)<sup>32</sup> dilaksanakan oleh penyelidik. Data dalam bentuk transkrip temu bual, catatan jurnal dan catatan pemerhatian dipindahkan dalam bentuk kod (*coding*). Bagi Corbin dan Strauss (2008)<sup>33</sup> pengekodan (*open coding, axial coding dan selective coding*) merupakan cara untuk menyusun dan memecahkan data kepada kategori yang mudah. Melalui pengekodan, data yang berhubung

kait dengan sesuatu idea, tema atau kategori mudah dikenal pasti. Kesemua data yang diperolehi disusun untuk menjawab soalan kajian.

### **Dapatan dan Perbincangan**

Dapatan kajian Gelung 1 (Skrip A) menunjukkan para peserta kajian mengakui bahawa drama dapat berfungsi sebagai teknik yang sesuai dalam mengembangkan pemahaman nilai berkaitan alam sekitar. Berikut ialah pengakuan beberapa orang peserta dalam sesi temu bual.

Penyelidik: Apa pandangan anda tentang pengajaran nilai melalui teknik drama?

Peserta 3: Pada mulanya agak susah untuk memahami nilai kerana kita tak ada pengalaman berlakon. Setelah berlakon dalam Gelung 1...saya dapat memahami nilai menyayangi alam sekitar. Saya tahu alam sekitar penting dan kita tidak boleh memotong pokok sesuka hati. Nanti banjir...macam yang ditunjukkan dalam drama tadi. [tb1/g1/28.6.2015]

Peserta 5: Saya mula-mula ingat macam buat nota moral tentang alam sekitar cukup..dan senang belajar. Tetapi bila sudah berlakon macam seronok juga. Saya boleh ingat nilai menyayangi dan menghargai alam sekitar. Saya faham nilai itu kerana saya lakonkan sendiri...drama memang bagus. [tb1/g1/28.6.2015]

Penyelidik: Adakah kalian rasa teknik ini menyusahkan murid?

Peserta 7: Bila dengar lakonan saja saya rasa macam susah. Selepas berlakon saya puas hati kerana dapat lakukan lakonan dengan baik. Saya faham nilai keharmonian manusia dengan alam sekitar. Kita faham bahawa jika tak ada pokok manusia tidak dapat oksigen dan manusia boleh mati. Macam dalam lakonan tadi...watak Imran mati kerana tiada oksigen..kerana tak ada pokok. . [tb1/g1/28.6.2015]

Peserta 9: Ada banyak nilai selain nilai Kemapanan alam sekitar. Dalam aktiviti drama kita boleh juga memahami nilai bertanggungjawab kepada alam sekeliling seperti tidak membuang sampah ke dalam sungai dan tidak membakar hutan. Kalau tak ada hutan haiwan dan manusia susah hidup. Drama sesuai digunakan dalam Pendidikan Moral [tb1/g1/28.6.2015]

Penyelidik: Apa keistimewaan teknik drama dalam menerapkan nilai berkaitan alam sekitar?

Peserta 1: Keistimewaan drama ialah kita dapat mempelajari nilai berkaitan alam sekitar dengan cara berkumpul. Nilai yang ditulis dalam skrip dapat kita hayati semasa lakonan. Oleh sebab kami melakonkan sendiri nilai berkaitan alam sekitar secara

amali, so nilai itu mudah difahami. Apabila kita menghayati watak seperti Renjer Hutan yang melindungi binatang liar...hati kita juga terdorong untuk melindungi hidupan liar. Kita faham nilai kerana kita melakukan sendiri nilai itu. [tb1/g1/28.6.2015]

Analisis data temu bual Gelung 1, menunjukkan para peserta memahami nilai yang dilakukan oleh mereka dalam lakonan. Para peserta kajian yang berfungsi sebagai penonton pula mengakui mereka dapat melihat dengan nyata nilai yang cuba disampaikan dalam lakonan.

Selain itu, catatan jurnal peserta kajian juga menunjukkan mereka memahami nilai yang berkaitan alam sekitar. Mereka memahami nilai berkaitan alam sekitar melalui lakonan drama ataupun sebagai penonton. Berikut ialah catatan jurnal peserta kajian.

Saya faham betapa pentingnya nilai menyayangi dan menghargai alam sekitar, kerana alam ini memberikan kita buah-buahan, makanan dan ubat herba. Nilai ini saya faham apabila watak Aidil (lakonan skrip A) menunjukkan bahawa dia menanam pokok rambutan untuk mendapatkan buah rambutan. [Jurn/p3/g1/5.4.2015]

Lakonan skrip A telah memudahkan saya memahami nilai. Saya faham nilai alam sekitar. Kita perlu sayangi alam dan jangan rosakkan alam. Alam berguna..seperti pokok petai di hutan pula berikan sayur petai untuk kita makan. Kita ada juga durian hutan untuk manusia makan buah. [Jurn/p6/g1/5.4.2015]

Apabila saya melihat lakonan kawan-kawan dalam Skrip A saya ada faham nilai yang dibawa oleh mereka. Macam watak Samy yang bakar sampah di depan rumah tak baik kerana asap akan mencemarkan alam sekitar. Nilai macam ini saya nampak secara terus melalui drama [Jurn/p1/g1/5.4.2015]

Skrip drama yang saya dapat hari ini ialah Skrip A yang kami bina dengan cikgu Nada. Nilai menyayangi alam sekitar dapat saya faham kerana selalu baca skrip untuk hafal dialog. Saya fahami nilai ini kerana ada dalam skrip lakonan. [Jurn/p1/g1/5.4.2015]

Selain itu, catatan daripada pemerhatian juga menunjukkan para pelakon berjaya memaparkan nilai menyayangi dan menghargai alam sekitar melalui lakonan mereka. Menurut salah seorang pemerhati, semasa lakonan Skrip A, sebahagian besar pelakon memahami nilai yang dilakukan dan agak berjaya menonjolkannya kepada penonton. Lakonan mereka berjaya memaparkan nilai berkaitan alam sekitar. Aksi mereka seperti memulihara alam dengan menanam pokok-pokok bakau di tepi pantai dalam lakonan jelas menggambarkan pemahaman nilai para peserta. Selain itu, pengucapan dialog seperti kepentingan memelihara hutan bakau

demi kehidupan ikan dan ketam juga membuktikan pemahaman nilai berkaitan alam sekitar dalam kalangan pelakon. [pemer1/Skrip A/5.4.2015].

Pemerhatian dalam Gelung 1, skrip A juga menunjukkan, walaupun pengucapan dialog tidak jelas daripada pelakon, mereka masih menunjukkan nilai menghargai alam sekitar melalui aksi lakonan. Tindakan watak dalam lakonan drama seperti menanam pokok, membuang sampah di dalam tong sampah dan mengumpulkan surat khabar lama untuk kitar semula juga jelas memaparkan nilai yang hendak disampaikan. [pemer2/Skrip A/5.4.2015].

Dalam pada itu, seorang pemerhati juga mencatatkan bahawa para pelakon begitu yakin dengan lakonan mereka. Keyakinan dalam diri telah membawa kepada lakonan yang baik dan nilai yang hendak disampaikan dapat difahami oleh penonton. Hal ini terbukti apabila guru menyoal beberapa orang penonton tentang nilai yang boleh dikaitkan dengan situasi yang dilakonan. Pelajar dapat mengaitkan nilai menyayangi dan menghargai alam sekitar dengan baik. [pemer3/Skrip A/5.4.2015].

Analisis daripada data temu bual, catatan jurnal dan pemerhatian dalam Gelung 1, lakonan Skrip A menunjukkan, bahawa nilai menyayangi dan menghargai alam sekitar dapat dilakonan dengan baik. Para pelakon dikatakan sedar akan kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar. Pemahaman nilai menyayangi dan menghargai alam sekitar pula diterjemahkan dalam aksi seperti mengitar semula, menanam semula dan tidak membuang sampah.

Selain itu, temu bual dalam Gelung 2 (skrip B), juga menunjukkan peserta kajian memahami nilai yang dilakonan dan dipertontonkan kepada murid lain di dalam kelas. Mereka mengaku drama menjadi teknik yang sesuai untuk mengajar nilai alam sekitar. Berikut ialah sedutan temu bual peserta selepas lakonan skrip B.

Penyelidik: Bagaimana drama dapat membantu anda memahami nilai yang berkaitan dengan alam sekitar dalam Pendidikan Moral?

Peserta1: Macam drama ini kita kena lakonan dengan serius...baru boleh menerapkan nilai. Dalam lakonan skrip B tadi saya dapat lihat bagaimana Renjer hutan melindungi binatang yang pupus seperti tenggiling. Dari sini kita dapat fahami nilai manusia perlu jaga hidupan liar yang hampir pupus.[tb2/g2/29.6.2015].

Penyelidik: Jika begitu...bolehkah kita katakan drama sebagai kaedah pembelajaran aktif?

Peserta 3: Boleh...kerana semasa kita berlakon kita memang aktif untuk menghafal dialog, aktif memberikan idea untuk mengarang skrip. Selain itu kita juga perlu aktif semasa berlakon supaya lakonan kita lebih baik. Lagipun drama ini ialah kerja

kumpulan dan kami perlu berinteraksi sesama kawan untuk membincangkan idea. [tb2/g2/29.6.2015].

Dalam sesi temu bual yang lain beberapa peserta kajian mengakui kelebihan teknik drama dalam menerapkan nilai berkaitan alam sekitar. Berikut adalah sedutan temu bual tersebut.

Peserta 2: Berlakon dalam drama menyeronokkan dan setelah berlakon dalam skrip A, saya seronok berlakon dalam Skrip B. Selain dapat memahami nilai, ia dapat menimbulkan minat terhadap mata pelajaran Pendidikan Moral. Pendidikan Moral tidak bosan sekarang. Berlakon dalam drama ini juga memberikan kesan ingatan yang dalam, kerana saya terlibat secara mendalam dalam lakonan drama. [tb2/g2/29.6.2015].

Peserta 3: Cara pengajaran drama lain daripada cara pengajaran guru Pendidikan Moral. Dalam drama ini kita boleh nampak perlakuan watak seperti menjaga binatang liar, tidak menebang hutan dan menjaga sumber air. Pengajaran ini menarik minat murid untuk belajar nilai berkaitan alam sekitar. [tb2/g2/29.6.2015].

Peserta 6: Saya tak sangka Pendidikan Moral menyeronokkan. Biasanya ia *subject* yang boring. Tetapi sekarang saya suka kerana nilai alam sekitar tidak perlu dihafal. Apabila tengok drama kita dapat fahami nilai. Kerana nilai itu ada dalam lakonan dan mudah kita nampak. Drama alam sekitar ini memberi kesan yang *live* kerana ia berlaku dalam kelas dan terus kami faham. [tb2/g2/29.6.2015].

Catatan jurnal dalam Gelung 2 (Skrip B), juga menjelaskan kesesuaian teknik drama dalam pemahaman nilai berkaitan alam sekitar. Salah seorang peserta mencatatkan bahawa:

Saya sudah bosan belajar Pendidikan Moral kerana duduk dalam kelas dan hafal semua nilai alam sekitar. Tetapi drama telah menjadikan pembelajaran lebih mudah dan agak seronok juga. Nilai yang hendak diajar telah dilakonan oleh kawan-kawan dalam Skrip B, dan ia mudah untuk difahami oleh semua kerana ada macam gelak ketawa dan hiburan. Dalam drama ini saya jadi watak manusia yang merosakkan alam [j4/g2/12.4.2015]

Saya telah berlakon dalam Skrip B, dan melakonan nilai keharmonian antara manusia dengan alam sekitar. Melalui drama interaksi antara rakan-rakan bertambah dan kita boleh bincangkan nilai alam sekitar dengan kawan-kawan lain. Nilai boleh dihafal melalui skrip drama. Saya menjadi watak sungai yang menangis kerana dicemari oleh manusia [j1/g2/12.4.2015]

Selepas saya berlakon dalam drama ini, nilai yang hendak diajar oleh guru baru nampak jelas. Selepas lakon baru boleh kenal nilai keharmonian antara manusia dan alam sekitar. Kepentingan hidupan haiwan dan tumbuh-tumbuhan kepada

manusia dapat saya lakonkan dengan rakan-rakan. Saya dapat melakonkan watak pokok yang menangis kerana ditebang oleh manusia. [j6/g2/12.4.2015]

Pada pandangan saya, kelebihan drama ini ialah kerjasama antara rakan-rakan. Saya boleh bincangkan nilai keharmonian antara manusia dan alam sekitar dan boleh ditulis sebagai satu skrip drama untuk dilakonkan. Semasa berbincang untuk menulis skrip saya dapat memahami nilai berkaitan alam sekitar. [j10/g2/12.4.2015]

Dalam pada itu catatan pemerhatian dalam Gelung 2 (Skrip B) juga menunjukkan kesesuaian teknik drama dalam menerapkan nilai berkaitan alam sekitar. Salah seorang pemerhati mencatatkan bahawa murid-murid yang berlakon lebih komited dalam menghafal dan menghayati skrip. Oleh sebab itulah mereka dapat menghayati lakonan dan dialog-dialog yang diucapkan pula dapat memaparkan nilai yang hendak disampaikan kepada penonton dengan baik. Dialog seperti “ manusia dan alam saling memerlukan, kerana manusia adalah sebahagian daripada alam” yang diucapkan oleh salah seorang watak yang berlakon mampu menunjukkan pemahaman dalam kalangan pelakon tentang kepentingan menjaga alam sekitar. [pemer1/Skrip B/12.4.2015]

Menurut seorang lagi pemerhati sebahagian besar pelakon dapat memahami tugas mereka dan menyampaikan nilai yang hendak dipaparkan dengan baik. Drama dikatakan boleh menjadi cara untuk menyampaikan nilai serta menggalakkan pemahaman nilai. Setiap drama yang dilakonkan mempunyai skrip yang digarapkan dengan nilai-nilai yang menjadi objektif pengajaran guru. Murid-murid yang berlakon pula menggunakan maklumat ini untuk menyampaikan mesej dengan emosi dan aksi yang menarik. Misalnya, penyampaian fakta tentang kesan pencemaran terhadap sungai oleh manusia, dapat digambarkan dengan baik oleh pelakon yang membawa watak sungai yang seolah-olah berbicara dengan manusia. [pemer2/Skrip B/12.4.2015]

Pemerhati juga berpendapat bahawa, drama memaparkan nilai-nilai lain secara tidak langsung kepada para peserta kajian. Selain pemaparan nilai utama iaitu keharmonian antara manusia dan alam sekitar nilai kasih sayang kepada hidupan liar, cinta akan sungai, dan bertanggungjawab kepada kebersihan persekitaran juga disampaikan oleh para pelakon melalui drama. Drama menjadi medium menyampaikan maklumat tentang alam sekitar dalam keadaan yang santai. Kelebihan ini tiada dalam teknik pengajaran konvensional yang lain. [pemer3/Skrip B/12.4.2015]

Analisis data temu bual, catatan jurnal dan pemerhatian dalam Gelung 2 (skrip B) menjelaskan bahawa drama menjadi teknik yang sesuai untuk mengajar nilai berkaitan alam sekitar. Para pelakon dapat memaparkan kepentingan nilai keharmonian antara manusia dengan alam sekitar melalui aksi seperti melindungi haiwan yang pupus dan menyuarakan fakta tentang kepentingan sungai, hutan dan pohon yang menghijau untuk kesejahteraan hidup manusia.

Dalam pada itu, data temu bual dalam Gelung 3 (lakonan skrip C) juga menunjukkan nilai kemapanan dan peka terhadap isi-isi alam sekitar dapat digarap dengan baik dalam skrip yang dilakonan oleh peserta kajian. Berikut ialah pengakuan beberapa orang peserta dalam temu bual mereka.

Penyelidik: Apakah komen kalian tentang teknik drama dalam menerapkan nilai berkaitan alam sekitar?

Peserta5: Pada pendapat saya teknik drama dapat mengajarkan nilai berkaitan alam sekitar kepada kami. Nilai-nilai yang dibawa melalui drama dapat difahami dan dikenal pasti kerana kami terlibat secara langsung dalam lakonan. Semasa latihan dan hafalan dialog kata kunci dan maksud nilai seperti kemapanan alam sekitar dapat saya hafal. Kata kunci ini boleh saya gunakan dalam menjawab soalan peperiksaan. Nilai senang dihafal melalui drama. [tb3/g3/30.6.2015]

Peserta 3: Drama teknik yang *best*..kerana kita dapat kenal dan hafal nilai berkaitan alam sekitar dengan baik. Saya tahu semua nilai berkaitan alam sekitar seperti menyayangi alam sekitar, keharmonian antara manusia dan alam sekitar, kemapanan alam sekitar dan peka terhadap isu alam sekitar. Semua nilai saya dapat hafal kerana ia ditunjukkan banyak kali dalam drama. [tb3/g3/30.6.2015]

Peserta 5: Inilah pertama kali saya lakon drama di dalam kelas. Ia lebih seronok daripada tulis nota dan baca buku teks. Saya tulis nota sejak tingkatan 1 hingga tingkatan 3, tetapi tak kenal nilai berkaitan alam sekitar, walaupun saya ada tulis nota. Tetapi bila kita masukkan nilai berkaitan alam sekitar dalam skrip lakonan ia mudah dikenali dan kita lebih faham tentang nilai itu. Drama perlu selalu diadakan di dalam kelas Pendidikan Moral. [tb3/g3/30.6.2015]

Peserta 5: Keadaan kelas kita juga aktif kerana ada gelak ketawa rakan-rakan yang menjadi penonton. Berbagai-bagai ragam yang melucukan daripada pelakon juga telah mewujudkan satu suasana untuk belajar nilai yang berkaitan alam sekitar. Bila saya ingat watak Samy...saya akan ingat nilai keharmonian antara manusia dengan alam sekitar kerana watak Samy yang membuat pembakaran terbuka. Drama memang dapat mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang aktif di bilik darjah. Kita juga boleh berkongsi maklumat dengan rakan-rakan lain selain guru Pendidikan Moral. [tb3/g3/30.6.2015]

Selain itu, catatan jurnal peserta juga membuktikan bahawa mereka dapat memahami nilai yang dibawakan dalam Gelung 3 (skrip C). Dalam pada itu catatan daripada peserta kajian juga menunjukkan drama menjadi satu kaedah pembelajaran aktif kerana murid mengarang dan

melakonian skrip yang dikarang untuk memaparkan nilai berkaitan alam sekitar. Berikut ialah beberapa catatan jurnal peserta kajian.

Saya selalu mengamalkan nilai bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Sekarang saya selalu membuang sampah di dalam tong sampah. Sekarang macam ada rasa tanggungjawab terhadap kebersihan alam sekitar dalam diri saya. [jurn/p4/g3/16.4.2015]

Bagi saya teknik drama perlu diadakan banyak kali dalam kelas Pendidikan Moral agar nilai seperti nilai alam sekitar dapat difahami dengan jelas. Saya yang terlibat dalam lakonan skrip C dapat memahami nilai kemapanan alam sekitar dan peka terhadap isu alam sekitar semasa latihan drama. Nilai-nilai alam sekitar wujud secara semula jadi semasa saya terlibat dalam latihan drama sebelum dipersembahkan. [jurn/p4/g3/16.4.2015]

Saya memang memahami nilai peka terhadap isu-isu alam sekitar kerana saya sendiri melakonian watak sebagai pegawai yang menerangkan tentang kitar semula dan kesan pencemaran seperti penipisan lapisan ozon. Saya rasa drama ini membantu saya mengenali nilai sayang kepada alam sekitar yang ada dalam diri saya sebelum ini. Bila saya terlibat dalam lakonan saya lebih sedar kepada isu-isu alam sekitar. [jurn/p5/g3/16.4.2015]

Saya mengaku bahawa drama mempunyai banyak kelebihan kerana ia dapat membina sikap dan tingkah laku saya terhadap alam sekitar. Misalnya saya yang berlakon sebagai pegawai alam sekitar telah memberikan ceramah tentang bahaya sisa toksik kepada tanaman dan hidupan laut. Melalui lakonan watak ini, saya sedar dan berjanji untuk menjaga laut dan sungai daripada tumpahan sisa toksik. [jurn/p9/g3/17.4.2015]

Catatan pemerhati dalam Gelung 3 (skrip C) menunjukkan bahawa lakonan para peserta kajian dalam gelung ini lebih bertenaga dan mantap. Mereka begitu bersemangat untuk menonjolkan nilai kemapanan alam sekitar dan peka terhadap isu alam sekitar. Lakonan yang mantap telah membolehkan mesej nilai yang disampaikan jelas, tepat dan dapat diterima oleh murid yang menjadi penonton lakonan. Aksi yang memaparkan nilai kemapanan alam sekitar oleh watak yang menyuarakan perlunya pembangunan tanpa memusnahkan alam sekeliling memang membuatkan penonton memahami nilai yang cuba diterapkan melalui drama. Nilai berkaitan alam sekitar dapat dipaparkan secara langsung melalui dialog yang diucapkan oleh pelakon. [pemer1/skripC/16.4.2015]

Seorang lagi pemerhati memberikan komen bahawa drama menjadi teknik yang sesuai untuk menarik minat murid mengikuti pengajaran yang dilaksanakan di bilik darjah. Menurut beliau lagi para peserta yang menjadi penonton drama begitu tertarik dengan lakonan yang



dipersembahkan di hadapan kelas. Mereka tidak bising dan memberikan tumpuan. Ternyata drama boleh menjadi medium untuk menyalurkan nilai-nilai berkaitan alam sekitar dengan cara yang tidak membosankan pelajar. Drama lebih baik daripada kaedah pengajaran yang menggunakan syarahan. Ternyata drama boleh menarik perhatian jika lakonan yang dipersembahkan mantap seperti lontaran suara yang baik, jalan cerita yang menarik dan pelakon menghayati watak yang dibawa. [pemer1/skripC/16.4.2015]

Pemerhati juga merakamkan rasa teruja mereka terhadap teknik drama dalam menerapkan nilai berkaitan alam sekitar. Mereka mendakwa, di samping menimbulkan keseronokan belajar, drama dalam bilik darjah juga menarik perhatian murid tentang apa yang berlaku di hadapan mereka. Drama dapat merangsang minat murid untuk belajar nilai yang berkaitan alam sekitar. Mereka belajar sambil berdrama. Menurut pemerhati ini drama mempunyai kelebihan dalam menerapkan nilai alam sekitar kerana sikap bersiap sedia peserta untuk menonton drama telah menjadi satu petanda yang baik kepada guru untuk menerapkan nilai yang digariskan dalam rancangan pengajaran harian mereka. [pemer1/skripC/16.4.2015]

Analisis data sumber temu bual, pemerhatian dan catatan jurnal daripada ketiga-tiga gelung kajian tindakan, menunjukkan teknik drama dapat mengembangkan amalan nilai berkaitan alam sekitar. Ketiga-tiga skrip yang dilakonan (skrip A, B dan C) telah berjaya memaparkan nilai yang berkaitan dengan alam sekitar seperti nilai menyayangi dan menghargai alam sekitar, keharmonian antara manusia dengan alam sekitar, kemapanan alam sekitar dan peka terhadap isu-isu alam sekitar.

## Kesimpulan

Kajian ini telah membuka satu perspektif dalam pedagogi pengajaran, khususnya dalam menerapkan nilai berkaitan alam sekitar melalui teknik drama di dalam kelas Pendidikan Moral. Hasil kajian juga menunjukkan para peserta kajian mengaku bahawa drama dapat berfungsi sebagai kaedah pembelajaran aktif dalam mengembangkan pemahaman dan amalan nilai berkaitan alam sekitar. Kajian ini juga mengesahkan kajian oleh Levy (1997)<sup>34</sup>, dan Winston (1999)<sup>18</sup> bahawa unsur-unsur drama seperti dialog, latihan, hafalan dan kemahiran membuat keputusan, selain menjadi bahan cerita ia juga menjadi cara untuk mentransformasikan pengetahuan dan pemahaman nilai kepada amalan nilai dalam kehidupan murid.

## Rujukan

1. Ministry of Education Malaysia. (2000). *KBSM Moral Subject Education Syllabus (Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KBSM)*. Curriculum Development Centre. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

2. Ministry of Education Malaysia. (2004). *KBSM Moral Subject Description Education Syllabus, Form Four (Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KBSM, Tingkatan Empat)*. Curriculum Development Centre. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
3. Lovat, T., & Clement, N. (2008). Quality teaching and values education: Coalescing for effective learning. *Journal of Moral Education*, 37(1), 1-16.
4. Dewey, J. (1909). *Moral principles in education*. Carbondale, IL, Southern Illinois University Press.
5. Kincheloe, J. (2008). *Knowledge and critical pedagogy: An introduction*. Amsterdam, The Netherlands: Springer.
6. Nadarajan Thambu. (2017). Development of Moral Thinking through Theater Forum: Study of Action (Perkembangan pemikiran moral melalui Teater Forum: Satu kajian tindakan). *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 1(1), (2017), 12-30.
7. Thiagarajan Nadeson. (2007). WWF Malaysia. National Seminar Paperwork. Environment Sustainability – Challenges Faced by Educators (Kertas Kerja Seminar Kebangsaan. Kelestarian Alam Sekitar-Cabaran bagi warga pendidik). Hotel De Palma, Ampang. 17-19 July.
8. Norashikin Hashim. (September, 2005). *Active learning in teaching and learning Moral subject. (Pemelajaran aktif dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral)*. Paperwork presented in Asia-Pacific Moral, Civic and Citizenship Education Conference di Hotel Concorde, Kuala Lumpur.
9. Lickona, T. (1991). *Educating for character: How our schools can teach respect and responsibility*. New York, NY: Bantam.
10. Karthegees Ponniah. (2017). "Thirukkural urarthum manitha aalumai" (Human personality in Thirukkural). Dlm "Ilakkiyamum Samuga Ariviyalum" (pp. 77-86). Tamil Linguistics Association, Malaysia. Diakses daripada Online Book: talias.org.
11. Silberman, M. (1996). *Active learning 101 to teach any subject*. Boston: Allyn and Bacon.
12. Alam Sher Malik. (2012, Mei 27). *Teaching is a performing art: Enliven the lesson at all its stages*. New Sunday Times, p. 25.
13. Habibah Lateh., & Punitha Muniandy. (2012). Environmental Education Teaching Practice in Teacher Institute, Penang Campus (Amalan pengajaran pendidikan alam sekitar di Institut Pendidikan Guru, Kampus Pulau Pinang). *Malaysia Journal of Society and Space* 8(2), 1-6.
14. Nadarajan Thambu., & Muhammad Hasbi Abdul Rahman. (2017). Forum Theatre as a behavior change strategy: Qualitative findings from Moral Education class. *The Journal of the South East Asia Research Centre for Communications and Humanities (SEARCH)*, 9(1), 25-46.
15. Drabble, M. (2001). <http://www.palpathfinder-trent.org.uk/forumtheatre.html>
16. Riseborough, R. (1993). *The use of drama in health education*. *Nursing Standard* 7 (15-16), 30-32.
17. Wasylko, Y., & Stickley, T. (2003). Theatre and pedagogy: Using drama in mental health nurse education. *Nurse Education Today*, 23(6), 443-448.
18. Winston, J. (1999). Theorising drama as moral education. *Journal of Moral Education*, 28 (4), 459-471.
19. Neelands, J. (1990). *Structuring drama work*. Cambridge: Cambridge University Press.
20. Basourakos, J. (1999). Moral voice and Moral choices: Canadian drama and Moral pedagogy. *Journal of Moral Education*, 28(4), 475-489.

21. Verducci, S. (2000). A moral method? Thoughts on cultivating empathy through method acting. *Journal of Moral Education*, 29 (1), 87-99.
22. Selathurai, N. (1992). Role of Drama, Act and 'Role-Play' in Teaching and Learning Field (Peranan drama, lakon dan 'role-playing' dalam bidang pengajaran dan pembelajaran). *Ministry of Education Malaysia Journal*, 64 (27), 16-23.
23. Mc Caslin, N. (1984). *Creative drama in the classroom (4th ed.)*. New York: Longman Inc.
24. Landy, R. (1982). *A handbook of educational drama and theatre*. Wesport. Conn: The Greenwood Press.
25. Dale, E. (1969). *Audio-visual methods in teaching (3rd ed.)*. New York, NY: Holt, Rinehart & Winston.
26. Kemmis, S., & McTaggart, R. (1988). *The action research planner*. Geelong, Victoria, Australia: Deakin University Press.
27. McNiff, J., & Whitehead, J. (2010). *You and your action research project (3rd ed.)*. London, UK: Routledge.
28. Heathcote, D., & Bolton, G. (1995). *Drama for learning: Dorothy Heathcote's mantle of the expert approach to education*. Portsmouth, NH: Heinemann.
29. Fraenkel, J.R., & Wallen, E.W. (2006). *How to design and evaluate research in education*. Boston, MA: McGraw-Hill.
30. Bogdan, R.C., & Biklen, S.K. (2005). *Qualitative research in education: An introduction to theory and methods (5th ed.)*. Boston, MA: Allyn & Bacon.
31. Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research psychology*, 3, 77-101.
32. Boeije, H. (2010). *Analysis in qualitative research*. Thousand Oaks, CA: Sage.
33. Corbin, J., & Strauss, A. (2008). *Basics of qualitative research (3rd ed.)*. Thousand Oaks, CA: Sage.
34. Levy, J. (1997). Theatre and moral education. *Journal of Aesthetic Education*, 31, 65-75.

**Citation in Malay**

Nadarajan Thambu. (2019). Penerapan nilai alam sekitar melalui teknik drama di dalam kelas Pendidikan Moral: Satu kajian tindakan. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 3(2), 188-206. <https://doi.org/10.33306/mjssh/14>

**Citation in English**

Nadarajan Thambu. (2019). Inculcate environmental values through drama techniques in Moral Education class: An action research. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 3(2), 188-206. <https://doi.org/10.33306/mjssh/14>